

**REAKSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN BAHASA
INGGERIS DI IPTA / IPTS DI KAWASAN
KUCHING - SAMARAHAN**

OLEH

ABANG MOHD. RAZALI B. ABANG HJ. SALLEH

AFIDAH BT. AHMAT SAHARI

DAYANG SUHANA BT. MUSA

JULIANA BT. ABDULLAH

MOHD. NAZIB B. PABELI

**Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan bagi memenuhi sebahagian
daripada keperluan Diploma Pentadbiran Awam**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN**

OKTOBER 2000

DAFTAR KANDUNGAN

Penghargaan	i
Prakata	iii
Rangka Kajian	iv
Daftar Istilah Kajian	vii
Daftar Jadual	viii
Daftar Gambarajah	ix

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	7
	(a) Objektif umum	
	(b) Objektif khusus	
1.4	Skop kajian	9
1.5	Kepentingan kajian	11
1.6	Batasan kajian	13

BAB 2 : ULASAN KARYA

2.1	Pengenalan	15
2.2	Intipati	15
2.3	Hipotesis	22

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	23
3.2	Kaedah penyelidikan	23
	(a) Data Primer	
	(b) Data Sekunder	
3.3	Kaedah pensampelan	26

RANGKA KAJIAN

Untuk menghasilkan satu kertas kerja yang sempurna dan memenuhi keperluan yang penting, kami telah menyediakan rangka kajian ini bagi memudahkan pembahagian tajuk. Buku kertas kerja kami mengandungi lima bab utama kesemuanya.

Bab 1 atau dikenali dengan bab pendahuluan, cuba menerangkan dan memperkenalkan kepada pembaca mengenai kajian yang kami jalankan. Ini bagi mengelakkan pembaca keliru atau kurang faham dengan kajian ini. Selain itu, dalam bab ini kami juga ada menerangkan objektif dan kaedah-kaedah yang kami gunakan dalam menyiapkan kertas kerja ini.

Manakala Bab 2 atau latar belakang kajian di mana dalam bab ini kami menceritakan tentang sejarah permulaan berkenaan kajian yang kami lakukan. Selain itu, perbincangan tentang tajuk kajian terutamanya mengenai peranan-peranan utama yang ada. Huraian mengenai skop kajian penyelidikan dengan melihat lebih luas tentang reaksi sejauh mana punca-punca masalah yang dikaji.

Metodologi kajian boleh didapati dalam Bab 3. Ia lebih membincangkan cara-cara penyelidikan seperti di perpustakaan bagi memeriksa segala teori dan bahan penyelidikan yang ada dalam bidang ini. Bab ini penting bagi memudahkan untuk mendapatkan latar belakang kajian serta membantu pelajar dalam membuat hipotesis seperti mengelakkan daripada duplikasi terhadap sesuatu penyelidikan.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut sejarah anak Melayu, golongan atasan dan kerabat diraja telah diasuh oleh budaya Inggeris agar mereka dapat diletakkan dalam pentadbiran negara. Mereka ini adalah terdiri daripada orang yang terpilih dan dididik di Kolej Melayu Kuala Kangsar semenjak maktab itu didirikan pada tahun 1905 dengan berpandukan model sekolah elit Inggeris. Ini telah menyumbangkan dan mengukuhkan elit Melayu bahawa bahasa Inggeris merupakan landasan bagi memperolehi faedah dari segi ekonomi dan sosial. Para pentadbir, tokoh politik, seniman dan cendekiawan Melayu lama masih mengekalkan penggunaan bahasa Melayu sehingga kini.

Bahasa Inggeris memainkan peranan penting dalam proses pembentukan nasional. Pendidikan ini telah melahirkan satu golongan elit Melayu yang pada mulanya tunduk dengan penjajah-penjajah Inggeris. Namun kini, jelas dilihat bahawa daripada bahasa tersebut telah melahirkan lebih ramai pemikir-pemikir dan pemimpin nasionalisme daripada pelbagai haluan politik dan keturunan.

Selepas kemerdekaan, Bahasa Melayu diberi kepentingan menjadi bahasa kebangsaan. Penggunaan bahasa Melayu telah diperluaskan pada semua lapisan masyarakat dan ia telah ditegaskan lagi di dalam Perlembagaan Persekutuan.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan sepenuhnya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan kami. Daripada penyelidikan yang dijalankan, pengumpulan data dan pendapat yang kami perolehi melalui sumber-sumber tertentu seperti buku-buku, majalah yang berkaitan telah kami rumuskan untuk dimuatkan dalam ulasan karya ini.

2.2 Intipati

Bahasa boleh didefinisikan sebagai alat perantaraan yang digunakan dan dipraktikkan oleh manusia sama ada dengan isyarat ataupun perkataan¹. Walau bagaimanapun, setiap orang sama ada penulis atau cendekiawan mempunyai pandangan dan persepsi yang berbeza di dalam sesetengah bahasa yang berbeza; walaupun mempunyai fakta dan objektif yang serupa mengenai bahasa.

Pada hakikatnya, bahasa merupakan sesuatu bahagian yang lebih besar dan adalah tidak wajar bagi seseorang untuk membincangkan atau memberi persepsi yang salah mengenai mekanisme-mekanisme bahasa tanpa mengetahui pandangan yang lebih mendalam mengenai bahasa dan fungsinya di dalam kehidupan kita seharian. Penulisan bagi sesuatu bahasa boleh dikategorikan sebagai kaedah kedua dan ia adalah hasil terbitan daripada nilai percakapan.

¹ Kamus Dewan, Edisi Ketiga; ms.87.